



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG
Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan (Pindaan)
DR.7/1978

Naskah Sahih—Bahasa Malaysia

RANG UNDANG UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Kumpulanwang Pinjaman Perumahan 1971.

[(v) suami atau isteri bagi seseorang yang telah mati yang sebelum kematiannya telah layak disebarkan hanya termasuk dalam satu dari pada kategori kategori orang-orang yang di- cil]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut :

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Kumpulanwang Pinjaman Perumahan (Pindaan) 1978.

Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.

(2) Perenggan-kecil (iv) yang disebutkan dalam seksyen 4 (c) Akta ini hendaklah disifatkan sebagai telah mula berkuatkuasa pada 3hb September 1971.

2. Tajuk panjang Akta Kumpulanwang Pinjaman Perumahan 1971, yang dalam Akta ini disebut sebagai "Akta ibu", adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan "wang sebanyak satu ribu juta ringgit" yang terdapat di dalamnya dengan perkataan-perkataan "beberapa jumlah wang".

Pindaan bagi tajuk panjang. Akta 42.

3. Seksyen 2 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan "sejumlah wang yang semuanya tidak lebih daripada satu ribu juta ringgit" yang terdapat dalam seksyen-kecil (1) dengan perkataan-perkataan "beberapa jumlah wang bagi maksud-maksud Kumpulanwang Pinjaman Perumahan Persekutuan".

Pindaan bagi seksyen 2.

Pindaan
bagi
seksyen 5.

4. Seksyen 5 Akta ibu adalah dipinda—

(a) dengan memotong perkataan “atau” yang terdapat di hujung perenggan-kecil (ii) perenggan (a);

(b) dengan memasukkan selepas koma bernoktah yang terdapat dalam perenggan-kecil (iii) perenggan (a) perkataan “atau”;

(c) dengan memasukkan selepas perenggan-kecil (iii) perenggan (a) perenggan-perenggan-kecil (iv) dan (v) perenggan (a) yang berikut—

12/63.

“(iv) seorang ahli Perkhidmatan Parlimen sebagaimana ditakrifkan dalam seksyen 2 Akta Perkhidmatan Parlimen 1963;

(v) suami atau isteri bagi seseorang yang telah mati (yang sebelum kematiannya telah layak disebabkan ianya termasuk dalam satu daripada kategori-kategori orang-orang yang diperihalkan dalam perenggan-perenggan-kecil (i), (ii), (iii) dan (iv) seksyen ini, untuk diberi suatu pinjaman atau subsidi faedah) sebagai mana diputuskan oleh Menteri menurut budi-bicaranya dengan syarat bahawa pinjaman yang diberi itu tidak boleh lebih daripada pinjaman yang orang yang mati layak diberi sebelum kematiannya,”
dan

(d) dengan menomborkan semula perenggan-kecil (iv), (v) dan (vi) perenggan (a) yang sedia ada sebagai perenggan-perenggan-kecil (vi), (vii) dan (viii) perenggan (a) masing-masing.

Pindaan
bagi
seksyen 8.

5. Seksyen 8 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan “dan (iii)” yang terdapat dalam seksyen-kecil 2 (b) dengan perkataan-perkataan “, (iii), (iv) dan (v)”.

HURAIAN

Rang Undang-undang ini bertujuan untuk membuat pindaan-pindaan tertentu kepada Akta Kumpulanwang Pinjaman Perumahan 1971.

Fasal 3 bertujuan untuk memotong jumlah maksimum satu ribu juta ringgit yang boleh didapatkan oleh Menteri Kewangan bagi maksud-maksud Kumpulanwang Pinjaman Perumahan. Dengan pindaan yang dicadangkan itu jumlah wang yang boleh didapatkan akan ditentukan

mengikut banyaknya yang diperlukan oleh Kumpulanwang Pinjaman Perumahan. *Fasal 2* yang mencadangkan pindaan kepada tajuk panjang Akta itu adalah suatu pindaan yang berbangkit.

Fasal 4 bertujuan untuk menambah dua kategori baru kepada senarai orang-orang yang layak diberi pinjaman dan subsidi faedah.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya tidak dapat ditentukan sekarang ini. [PN. (U²) 893.]

BE IT ENACTED by the Parliament of Malaysia in the presence of the Yang di-Pertuan Agong with the advice and consent of the Dewan Negara and Dewan Rakyat in Parliament assembled, and by the authority of the same, as follows:

1. (1) This Act may be cited as the Housing Loans Fund (Amendment) Act 1971.

Short title and cover amendment

(2) This paragraph and section 4 (c) of this Act shall be deemed to have come into force on the 3rd September 1971.

2. The long title of the Housing Loans Fund Act 1971, which in this Act is referred to as "the principal Act", is amended by substituting for the words "a sum of one thousand million dollars" appearing therein the words "sums of money".

Amendment of long title Act 41

3. Section 2 of the principal Act is amended by substituting for the words "a sum of money not exceeding in the whole the sum of one thousand million dollars" appearing in subsection (1) the words "sums of money for the purposes of the Housing Loans Fund of the Federation".

Amendment of section 2

4. Section 5 of the principal Act is amended—

Amendment of section 5

(a) by deleting the word "or" appearing at the end of sub-paragraph (ii) of paragraph (a);

(b) by inserting after the semicolon appearing in sub-paragraph (iii) of paragraph (a) the word "or".